

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN KOMIK
TERHADAP PENCAPAIAN MEMBACA
MURID PEMULIHAN**

RATNA BINTI MOHD RAZALI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN)**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan komik terhadap kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan tahun 2 dan 3 untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia. Kajian tindakan ini telah dijalankan di dua buah sekolah di daerah Jempol (Negeri Sembilan) dan melibatkan lima belas orang responden. Objektif kajian ini ialah untuk meningkatkan penggunaan komik dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar. Objektif kedua ialah menarik minat murid pemulihan untuk membaca, dan ketiga ialah untuk memperbaiki kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan. Pengkaji memilih penyelidikan kualitatif untuk melaksanakan kajian tindakan ini. Instrumen kajian terdiri daripada analisis dokumen (keputusan peperiksaan Linus), pemerhatian (penggunaan komik dalam pengajaran dan pembelajaran), temubual (untuk mengetahui minat murid membaca komik) dan soal selidik (menggunakan skala Likert) Data dianalisis dengan menggunakan kaedah triangulasi dan perisian komputer ATLAS.ti. Kajian ini dijalankan berpandukan model Stephen Kemmis & Mc Taggart dan Model Penyelidikan Johnson. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan prestasi membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan di samping menarik minat murid untuk membaca. Peningkatan prestasi membaca murid pemulihan dapat dilihat berdasarkan keputusan saringan Linus. Kebanyakan responden telah lulus dalam saringan Linus tersebut. Implikasi daripada kajian ini, guru-guru Bahasa Malaysia boleh mengintegrasikan penggunaan komik dalam pengajaran mereka.

THE EFFECTIVENESS OF USING COMICS ON READING ACHIEVEMENT OF THE REMEDIAL PUPIL

ABSTRACT

This research was conducted to analyze the use of comic to improve the reading skills of remedial pupils in year two and three for Bahasa Malaysia subject. This action research was conducted at two schools in Jempol district (Negeri Sembilan) which involved fifteen pupils. The objective of this research is to enhance the use of comics in teaching and learning as a teaching aids. The second objective is to attract remedial pupils to read using comic and thirdly, to improve the reading skills of Malay Language among remedial pupils. Qualitative research design was used to carry out this action research. The instruments used in the research were document analysis (Linus's result), observation (the used of comic in teaching and learning activities), interviews (to identify pupil's interest in reading comics) and questionnaires (using Likert Scale) The data was analyzed by using triangulation method and ATLAS.ti. This research was conducted based on action research model by Stephen Kemmis & Mc Taggart and Johnson Action Research Model. The findings of the study showed improvement in reading achievement among remedial pupils and encourage the remedial pupils to read. The improvement in reading shown by the result of Literacy and Numeracy Screening. Most of the respondents passed in the Literacy and Numeracy Screening. The implication of research is that Malay Language teachers can integrate comic in their teachings.

KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|------------------------------------|------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| SENARAI GAMBAR | xvii |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 12 |
| 1.4 Objektif Kajian | 18 |
| 1.5 Soalan Kajian | 19 |
| 1.6 Kerangka Konseptual | 19 |
| 1.7 Batasan Kajian | 21 |

| | | |
|------|---------------------------------|----|
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 29 |
| 1.9 | Definisi Konsep dan Operasional | 36 |
| 1.10 | Kesimpulan | 53 |

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

| | | |
|-----|---|-----|
| 2.2 | Pengenalan | 55 |
| 2.2 | Tinjauan Literatur Berkaitan Dengan Isu Kajian (dalam negara) | 56 |
| 2.3 | Tinjauan Literatur Berkaitan Dengan Isu Kajian (luar negara) | 100 |
| 2.4 | Kesimpulan | 109 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|--|-----|
| 3.1 | Pengenalan | 112 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 112 |
| 3.3 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif | 115 |
| 3.4 | Kaedah Kajian | 117 |
| 3.5 | Model Kajian | 120 |
| 3.6 | Model Kajian Tindakan Kemiis & Mc Taggart | 121 |
| 3.7 | Model Kajian Tindakan Johnson | 124 |
| 3.8 | Sampel Kajian | 126 |

| | | |
|-------|-------------------------|-----|
| 3.9 | Kaedah Pengumpulan Data | 130 |
| 3.9.1 | Temu bual | 131 |
| 3.9.2 | Analisis Dokumen | 135 |
| 3.9.3 | Pemerhatian | 137 |
| 3.9.4 | Soal Selidik | 140 |
| 3.10 | Kesimpulan | 141 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|---------|---|-----|
| 4.1 | Pengenalan | 144 |
| 4.2 | Analisis Data | 145 |
| 4.2.1 | Profil Sekolah Sampel | 145 |
| 4.2.2 | Profil Sampel Kajian | 150 |
| 4.2.3 | Kesan Penggunaan Komik dalam Aspek Pencapaian Murid, Minat Murid dan Kesesuaian Sebagai bahan Bantu Mengajar. | 160 |
| 4.2.3.1 | Keberkesanan Komik dalam meningkatkan Prestasi Membaca Murid Pemulihan | 162 |
| 4.2.3.2 | Penggunaan Komik menarik minat murid Pemulihan untuk Membaca | 171 |
| 4.2.3.3 | Penggunaan Komik Dalam Program Pemulihan Bacaan Sesuai Sebagai Bahan Bantu Mengajar. | 178 |
| 4.3 | Kesimpulan | 201 |

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 183 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian | 184 |
| 5.2.1 | Peningkatan Prestasi Membaca Murid Pemulihan | 185 |
| 5.2.2 | Penggunaan Komik Dapat Menarik Minat Murid Pemulihan untuk Membaca | 186 |
| 5.2.3 | Komik Sesuai digunakan Sebagai Bahan Bantu Mengajar di dalam Kelas Pemulihan | 188 |
| 5.3 | Cadangan untuk Kajian Lanjutan | 189 |

| | | |
|-----|---------|-----|
| 5.4 | Penutup | 191 |
|-----|---------|-----|

| | |
|----------------|------------|
| RUJUKAN | 193 |
|----------------|------------|

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|-------------------|---|-------------------|
| 3.1 | Senarai Responden dalam Kajian | 130 |
| 3.2 | Senarai nama guru yang ditemu bual | 135 |
| 4.1 | Peratus Murid Mendapat 5A | 147 |
| 4.2 | Profil Sampel Kajian 01 | 151 |
| 4.3 | Profil Sampel Kajian 02 | 152 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 153 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Kaum | 153 |
| 4.6 | Bilangan Adik- beradik Responden | 154 |
| 4.7 | Anak ke Berapa dalam Keluarga | 155 |
| 4.8 | Adik-beradik yang Berada dalam Kelas Pemulihan | 155 |
| 4.9 | Cara Datang ke Sekolah | 156 |
| 4.10 | Taburan Responden yang Pernah ke Tadika | 156 |
| 4.11 | Taburan Responden yang Menghadiri Tuisyen. | 157 |
| 4.12 | Jumlah Wang Saku | 157 |
| 4.13 | Pekerjaan Bapa | 158 |
| 4.14 | Pekerjaan Ibu | 158 |
| 4.15 | Pendapatan Isi Rumah | 159 |
| 4.16 | Analisis Temu bual Menggunakan Komik berdasarkan ATLAS.ti | 161 |
| 4.17 | Dua belas Kontruk dalam Saringan LINUS Membaca | 163 |
| 4.18 | Keputusan Saringan LINUS 1 | 164 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.19 | Keputusan saringan LINUS 2 | 165 |
| 4.20 | Keputusan Keseluruhan Saringan LINUS 1 dan Saringan Linus 2 | 166 |
| 4.21 | Kontruk 10, 11 dan 12 dalam Saringan LINUS | 167 |
| 4.22 | Keputusan Ujian Literasi Membaca Murid Pemulihan | 170 |
| 4.23 | Menggunakan Buku Teks Pemulihan | 174 |
| 4.24 | Menggunakan Komik | 175 |
| 4.25 | Tingkah laku Murid Semasa Menggunakan Buku Teks Pemulihan | 175 |
| 4.26 | Tingkah laku Murid Semasa Menggunakan Komik | 176 |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Muka Surat |
|------------------|---|-------------------|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 19 |
| 1.2 | Peraturan Pemilihan Fon | 28 |
| 3.1 | Model Stephen Kemmis | 122 |
| 3.2 | Model Kajian Tindakan Johnson | 124 |
| 4.4 | Analisis Temu bual Menggunakan Komik | 160 |
| 4.5 | Keputusan Keseluruhan Saarian | 165 |
| 4.6 | Model Kemmis & Mc Taggart | 167 |
| 4.7 | Kekerapan Tingkah laku Responden Semasa Menggunakan Buku Teks Pemulihan | 175 |
| 4.8 | Kekerapan Tingkah laku Responden Semasa Menggunakan Komik | 176 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|-----------------------------------|
| KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| KBSM | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| UPSR | Ujian Pencapaian Sekolah Rendah |
| RPH | Rancangan Pengajaran Harian |
| GP | Guru Pemulihan |

| | |
|--------|---|
| GBM | Guru Bahasa Melayu |
| ASSURE | <i>Analyse Learning, State Objective, Select Method, Utilise Media and Material, Require Learner Participation, Evaluation and Review</i> |
| SPB | Strategi Pembelajaran Bahasa |
| 3M | Membaca, menulis, mengira |
| KIA2M | Kelas Integrasi Membaca dan Menulis |
| PROTIM | Program Pemulihan 3M |
| LPS | Lembaga Pengurusan Sekolah |

| | |
|-------|---|
| NKRA | <i>National Key Result Areas</i> |
| PPDJJ | Pejabat Pendidikan Daerah Jempol/Jelebu |
| LINUS | <i>Literacy and Numeracy Screening</i> |
| PIBG | Persatuan Ibu bapa dan guru |
| PPK | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| SKBBS | Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Serting |
| SPSS | Statistical Package for the Social Sciences |
| ANOVA | <i>Analysis of Variance</i> |
| KEMAS | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| BBM | Bahan Bantu Mengajar |
| KGBK | Kaedah Gabungan Bunyi Kata |
| TMK | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| P&P | Pengajaran dan Pembelajaran |
| NILAM | Nadi Ilmu Amalan Membaca |
| KV | Konsonan Vokal |
| KVK | Konsonan Vokal Konsonan |
| Pdpc | Pembelajaran dan Pemudahcaraan |

SENARAI LAMPIRAN

- 1 Borang Pemerhatian 01
- 2 Borang Pemerhatian 02
- 3 Borang Pemerhatian 03
- 4 Borang Soal Selidik
- 5 Instrumen Literasi Membaca Murid Pemulihan
- 6 Surat Kebenaran KPM
- 7 Transkripsi Temu bual bersama GP02
- 8 Transkripsi Temu bual bersama GP03
- 9 Transkripsi Temu bual bersama M13
- 10 Transkripsi Temu bual bersama M04
- 11 Transkripsi Temu bual bersama M07
- 12 Surat Kebenaran Ibu bapa Responden
- 13 Komik Upin & Ipin (Nenek Kebayan)
- 14 Komik *Kampung Boy* (Debab)
- 15 Keputusan proses turnitin dari IPS

SENARAI GAMBAR

| No. Gambar | | Muka Surat |
|------------|--|------------|
| 1.1 | Komik “Kampung Boy” | 24 |
| 1.2 | Watak Utama dalam komik “Kampung Boy” | 24 |
| 1.3 | Watak-watak Sampingan yang Terdapat dalam Komik “Kampung Boy” | 25 |
| 3.1 | Hubungan Antara Populasi dan Sampel Kajian | 126 |

BAB 1

PENGENALAN

Beberapa tajuk dibincangkan dalam bab ini. Tajuk-tajuk tersebut ialah tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Perbincangan diteruskan dengan kerangka model yang digunakan dan kerangka konseptual kajian. Perbincangan diteruskan dengan batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi konseptual.

Latar belakang kajian membincangkan tentang tajuk kajian pengkaji bermula dengan pernyataan yang umum hinggalah ke pernyataan yang khusus. Kajian bermula dengan masalah umum dalam pendidikan sehingga ke masalah khusus yang akan dikaji oleh pengkaji. Pernyataan masalah menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah-masalah yang timbul.



Objektif kajian adalah berbentuk tingkah laku dengan menentukan perlakuan atau domain yang ingin dicapai. Selain daripada itu, persoalan kajian juga turut dibincangkan yang mana menyingkap tentang persoalan yang ingin dicapai dan diketahui melalui kajian ini.

Model Stephen Kemmis & Mc Taggart dan Model Tindakan Johnson digunakan dalam kajian sebagai panduan awal, seterusnya model ini diubahsuai dan dibuat penambahbaikan. Pengkaji meletakkan skop dan ruang yang lebih sempit dalam batasan kajian. Seterusnya di dalam bab ini juga kepentingan kajian iaitu sasaran hasil kajian yang diharapkan dapat memenuhi tuntutan kumpulan tertentu. Kumpulan yang dimaksudkan ialah guru, murid dan pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Kementerian Pendidikan Malaysia, penulis dan penerbit komik serta kepentingan kepada masyarakat turut dibincangkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan beberapa program untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Kerajaan telah melancarkan program 3M (Membaca, Menulis, Mengira) pada tahun 1981. Kemudian, pada tahun 1986, Kurikulum Baru Sekolah Rendah diperkenalkan. Sistem pendidikan ditambah baik lagi dengan mewujudkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) iaitu suatu program pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dari segi struktur kandungan, pendekatan serta bahan pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KBSR adalah untuk





memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan pada tahun 2011 bermatlamat melahirkan murid yang kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21. Penguasaan kemahiran membaca haruslah dikuasai dari peringkat rendah seterusnya diteruskan kepada peringkat yang lebih tinggi mengikut tahap murid. Contohnya, dalam standard kandungan dan standard pembelajaran Bahasa Malaysia Tahun Dua, murid perlu menguasai kemahiran membaca :

- i. Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul
- ii. Membaca dan memahami perkataan dalam ayat tunggal yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul.
- iii. Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
- iv. Membaca kuat ayat penyata dengan lancar, sebutan yang jelas, intonasi yang betul dan berjeda.

Jika murid tidak menguasai kemahiran membaca, mereka sukar memahami isi-isi penting yang terdapat dalam petikan tersebut. Seterusnya mereka gagal untuk menjawab soalan yang ditanya berdasarkan petikan yang mereka baca. Masalah ini juga akan mempengaruhi mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Dunia Sains





dan Teknologi, Matematik, Agama Islam, Sejarah dan lain-lain. Hal ini disebabkan oleh semua mata pelajaran tersebut memerlukan pembacaan untuk memahami isi pelajarannya. Selain itu, misi Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu “Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara” tidak akan tercapai jika masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid tidak dapat diatasi.

Walaupun beberapa program pendidikan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, namun terdapat beberapa golongan murid yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka, contohnya ialah murid pendidikan khas. Murid pendidikan khas merujuk kepada murid yang mempunyai perkembangan intelek, emosi, sosial dan fizikal yang tidak seiring dengan usia mereka. Contohnya, dalam usia lapan tahun, mereka masih belum menguasai kemahiran membaca. Mereka ini dikategorikan dalam kumpulan bermasalah pembelajaran. Selain itu, aspek sosial mereka juga terbatas di mana mereka tidak pandai untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya walaupun usia mereka mencecah sepuluh tahun. Murid autisme juga dikategorikan dalam murid pendidikan khas. Murid autisme cenderung kepada dunia mereka sendiri. Mereka tidak menghiraukan rakan-rakan di sekeliling mereka dan tidak menyukai suasana bising. Namun demikian mereka mempunyai satu kecenderungan yang istimewa.

Menurut Puan Aziana binti Adam, guru Pendidikan Khas Sekolah Kebangsaan (Felda) Bandar Baru Serting, beliau mempunyai seorang murid autisme yang amat cenderung dan bijak dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Beliau telah dimasukkan ke kelas inklusif dalam aliran perdana dan telah menduduki Ujian Pencapaian Sekolah





Rendah (UPSR) pada tahun 2017 bersama dengan murid-murid aliran perdana. Selain itu terdapat murid dalam arus perdana yang amat lambat menguasai sesuatu pelajaran jika dibandingkan dengan murid yang seusia dengan mereka. Walaupun usia mereka sudah mencecah lapan tahun tetapi mereka masih tidak mengenali semua huruf dari huruf 'A' hingga 'Z'. Kadang-kadang mereka mengenali huruf besar tetapi tidak pula mengenali huruf kecil. Golongan murid seperti inilah yang perlu dipulihkan untuk meningkatkan pembelajaran mereka. Guru pemulihan telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengajar golongan murid ini.

Matlamat untuk mengatasi isu 3M dan merapatkan jurang pendidikan terkandung dalam Teras Ketiga dan Keempat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010. Beberapa perancangan telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia agar semua murid tahun satu, dua dan tiga menguasai asas membaca, menulis dan mengira. Kementerian Pelajaran Malaysia memastikan bahawa guru pendidikan khas terlatih mencukupi di semua sekolah termasuk di sekolah kurang murid. Kelas-kelas pemulihan khas telah dinaik taraf dan menyediakan prasarana yang mencukupi di dalam kelas-kelas pemulihan. Guru-guru pemulihan juga telah dihantar berkursus dari semasa ke semasa untuk mendalami ilmu pendidikan pemulihan khas. Melalui Transformasi Pendidikan, Program Literasi dan Numerasi, *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2009. Program LINUS adalah sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Program Transformasi Kerajaan merupakan satu kesinambungan daripada program yang sedia ada bagi mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas 3M dengan lebih sistematik. Pelaksanaan program LINUS menasarkankan 100% murid





tahun tiga menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum ke tahun empat mulai tahun 2013 kecuali murid berkeperluan khas.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program pemulihan Khas semenjak tahun 1960-an. Matlamat utama program ini ialah untuk membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah kritikal membaca, menulis dan mengira. Program pemulihan Khas Tahap satu di bawah Jabatan Pendidikan Khas (JP Khas) pula telah mula dilaksanakan pada tahun 2000. Kumpulan sasaran yang pertama ialah murid tahun satu sesi persekolahan Tahun 2000.

Guru-guru, khususnya guru-guru tahun satu, dua dan tiga akan mengesan dan mengenal pasti murid-murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Murid-murid ini akan dimasukkan ke Program Pemulihan Khas.

Beberapa pendekatan klinikal, teknik dan kaedah digunakan oleh guru pemulihan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid pemulihan. Rancangan pengajaran dan pembelajaran pemulihan khas disusun dan diatur berdasarkan kurikulum kebangsaan Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah pada tahun berkenaan. Rancangan pengajaran dan pembelajaran ini mengambil kira pendekatan dan teknik-teknik mengajar yang tertentu berfokuskan keperluan seseorang individu murid. Sistem pendidikan kita bertembung dengan satu keperluan pentaksiran iaitu untuk mengenal pasti siapa yang harus mengikuti program ini dan seterusnya menentukan sama ada seseorang yang diberi rawatan itu sudah bersedia untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran di kelas biasa atau meneruskan Program Pemulihan Khas di kelas pemulihan khas.





Dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bertaraf dunia maka Pembelajaran abad ke- 21 diperkenalkan. Pembelajaran abad ke- 21 ialah suatu transformasi dalam dunia pendidikan. Kaedah konvensional seperti pembelajaran berpusatkan guru dan kaedah “*chalk and talk*” telah berubah kepada kaedah yang lebih berpusatkan murid di dalam bilik darjah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan yang relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Ia juga dikenali dengan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Para guru perlu bersedia menghadapi perubahan ini kerana guru merupakan “kumpulan pelaksana” yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan perubahan tersebut. Pada masa yang sama, semua guru termasuklah guru pemulihan dan guru pendidikan khas perlu menyedari bahawa dunia pendidikan kini perlu seiring dengan perkembangan zaman agar tidak ketinggalan. Pembelajaran abad ke-21 bermatlamat untuk merealisasikan enam aspirasi murid iaitu murid yang berpengetahuan, murid yang mempunyai kemahiran berfikir, murid yang mempunyai kemahiran untuk memimpin, murid yang mempunyai kemahiran dwibahasa, murid yang mempunyai etika dan kerohanian dan akhir sekali murid yang memaparkan identiti nasional. Enam aspirasi murid dalam pembelajaran abad ke-21 ini merangkumi semua murid di sekolah menengah dan sekolah rendah termasuklah murid-murid pemulihan. Beberapa aktiviti yang menarik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 ialah *gallery walk*, *3 stray*, *jigsaw*, *think pair share*, *round table*, *hot seats*, *role play*, penggunaan peta i-think dan lain-lain.

Selain dari pembelajaran abad ke-21, kemahiran berfikir aras tinggi atau lebih dikenali dengan KBAT perlu diaplikasikan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. KBAT telah mula diperkenalkan dalam Pelan Induk Pembangunan



Pendidikan 2013-2025. KBAT memerlukan murid berfikir di luar kotak pemikiran yang sedia ada. Murid-murid kini amat mahir untuk mengakses maklumat melalui teknologi siber. Oleh hal yang demikian, mereka sering bertanyakan perkara-perkara yang lebih mendalam tentang sesuatu perkara yang tidak terfikir oleh guru bahawa mereka akan bertanya tentang perkara tersebut. Transformasi pendidikan memerlukan guru yang bersedia menghadapi perubahan kerana guru-guru berhadapan dengan murid-murid yang jauh berbeza dengan murid-murid masa lalu. Teknik menghafal fakta dalam pelajaran bolehlah dikategorikan sebagai kemahiran berfikir aras rendah. Sebagai contoh, murid hanya perlu menghafal dan mengingat kembali fakta atau maklumat yang disampaikan oleh guru kemudian murid akan menjawab soalan yang diberi di atas kertas. Fenomena ini terjadi kerana orang akan melihat sesuatu kejayaan seseorang murid dengan melihat sebanyak mana “A” yang mereka peroleh. Murid yang mendapat “*straight A's*” dikira paling cemerlang.

Dengan memperkenalkan KBAT, murid diajar untuk memahami sesuatu fakta seterusnya dapat mengaplikasikannya dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru itu, untuk bersaing dengan negara maju dalam bidang pendidikan seperti negara Finland, sistem pendidikan negara perlu berupaya melahirkan generasi muda berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta mampu berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai bahasa pada peringkat global.

Walaupun elemen KBAT nampak sukar diaplikasikan kepada murid terutama kepada murid pemulihan khas namun guru harus menguasai elemen KBAT terlebih dahulu dengan mempunyai fikiran yang kritis dan kreatif di samping diberikan persediaan yang rapi ke arah itu. Secara realitinya semua guru telah didedahkan dengan ilmu KBAT semenjak dalam pengajian pendidikan lagi sama ada di maktab



perguruan, institut pendidikan guru ataupun universiti. KBAT lebih terarah menterjemahkan konsep pendidikan dalam Taksonomi Bloom iaitu merangkumi pembelajaran dari aras rendah ke aras yang lebih tinggi iaitu bermula dengan kemahiran mengingat, memahami, mengaplikasi, analisis, penilaian, penghasilan produk atau menyelesaikan masalah. Guru-guru juga telah dilatih membuat soalan dengan membina Jadual Penentu Ujian (JPU) berdasarkan aras Taksonomi Bloom. Oleh yang demikian tiada masalah bagi guru melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Beberapa teknik dan bahan bantu mengajar digunakan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas masa kini. Matlamat utama penggunaan bahan pengajaran dalam kelas ialah untuk memudahkan pengajaran guru dan memudahkan juga pemahaman murid tentang topik yang diajar oleh guru. Namun, bahan bantu mengajar belum dapat digunakan secara maksimum oleh semua guru kerana terdapat kekangan masa, tenaga dan faktor perbelanjaan untuk menyediakannya (Kamarudin Husin & Siti Hajar, 1998; Sufean Hussin et,al, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan komik sebagai bahan pengajaran di dalam kelas. Zinitulniza Abd Kadir (2010), pengurus Jabatan Komunikasi, Pemasaran dan Jualan Institut Terjemahan Negara Malaysia berpendapat pembacaan komik adalah satu kaedah baru yang boleh digunakan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Menurut beliau lagi, ibu bapa perlu ubah pandangan terhadap komik kerana dalam sistem pendidikan di Jepun dan Korea, semuanya dikomikkan, termasuklah cara baiki kereta dan pelbagai resepi makanan. Tambahan pula, hasil kartunis terkenal negara, Datuk Mohd Nor Khalid (Lat), "*Kampung Boy*", telah dijadikan bahan bacaan buku teks di Australia. Di barat pula, pengiktirafan telah diberikan kepada buku bergenre





sedemikian di mana ia kini dikenali sebagai *literature comic* berbanding komik picisan sebelum ini.

Melalui kajian-kajian yang telah dibuat oleh beberapa penyelidik, dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar amat penting digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Salah satu bahan bantu mengajar yang boleh digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran ialah komik. Penggunaan komik membantu guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Kesimpulannya, penggunaan bahan pengajaran di dalam kelas dapat meningkatkan kefahaman murid dan mencapai objektif pengajaran guru pada hari tersebut.



masalah pembelajaran di dalam kelas tetapi masih ramai murid yang belum dapat membaca, menulis dan mengira. Mereka amat lambat untuk mengenal huruf, membatang suku kata, menulis huruf dan mengenal nombor. Berdasarkan laporan dari Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1999, masih ramai lagi murid yang tidak boleh menguasai asas bacaan. Sepuluh hingga lima belas peratus dikenal pasti menghadapi masalah ini. Laporan ini menunjukkan bahawa isu ini agak serius kerana sekiranya ia tidak diatasi dengan segera, peratus murid yang tidak menguasai kemahiran asas membaca akan terus meningkat. Namun demikian Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat langkah drastik dengan mencadangkan semua sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia melaksanakan program intervensi 3M.





Beberapa faktor telah dikenal pasti menjadi punca masalah ini. Di antaranya ialah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak sesuai, keadaan kelas yang tidak kondusif, bilangan murid yang terlalu ramai di dalam kelas iaitu empat puluh orang menjadikan guru tidak dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada murid-murid yang bermasalah dalam bacaan. Zulkifley Hamid (2006) menjelaskan tentang penguasaan kebolehan membaca bukanlah satu kerja yang mudah. Prosesnya tidak seperti proses menguasai kemahiran berbahasa secara lisan yang dapat dikuasai oleh semua individu. Penguasaan kebolehan membaca tidak dapat berlaku melainkan wujud pengajaran dan pembelajaran yang terancang.

Kemahiran membaca amat penting dikuasai oleh setiap individu khususnya kepada murid-murid, malah ayat pertama yang diturunkan dalam Al Quran adalah berkenaan dengan 'membaca' (Surah Al-Alaq ayat 1-5)

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ②
 أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ
 الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Maksudnya : Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah yang beku. Bacalah, dari Tuhan mu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Al Quran : 197)

Masalah membaca yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah masalah membaca tidak lancar dalam kalangan murid pemulihan. Membaca tidak lancar adalah seperti membatang suku kata terlebih dahulu sebelum dapat menyebut seluruh perkataan,





bacaan tersekat-sekat iaitu perkataan demi perkataan dan tidak lancar, teragak-agak (*hesitation*) - teragak-agak bermaksud berhenti sejenak sebelum menyebut sesuatu perkataan sebelum membaca, membaca terlampau lambat atau merangkak-rangkak, tingkah laku yang tidak selesa seperti mengerdipkan mata, mengangkat dahi, menggeleng kepala dan sebagainya. Suara yang terlalu perlahan dan tidak jelas semasa membaca juga dapatlah dikategorikan dalam membaca tidak lancar.

1.3 Pernyataan Masalah

Sekolah adalah merupakan institusi yang melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara.

Oleh hal yang demikian aspek intelek amat dipentingkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Aspek intelek tersebut bermula dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan yang terkini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal untuk memantapkan sistem pendidikan di Malaysia. Namun demikian, isu masalah membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Rentetan dari masalah yang dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1999, terdapat 10% hingga 15% murid masih belum menguasai 3M maka impaknya dapat dilihat dari keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2005. Keputusan tersebut mencatatkan 116,483 orang murid di Malaysia





mendapat gred D dan E dalam mata pelajaran yang diambil. Jumlah tersebut menunjukkan satu angka yang besar. Punca dari kegagalan murid tersebut pastilah berpunca dari kelemahan mereka menguasai asas membaca, menulis dan mengira. Data dari Kelas Integrasi Membaca dan Menulis (KIA2M) pada tahun 2008 menunjukkan seramai 54,000 murid tahun satu yang belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (literasi). Bilangan murid tahun lima yang belum menguasai kemahiran asas literasi dalam PROTIM (Program Pemulihan 3M) pada tahun 2009 seramai 59,950 orang murid (Naimah Ishak, 2010).

Satu kajian telah dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2001. Fokus kajian tersebut untuk melihat faktor kegagalan program pemulihan khas untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan faktor kegagalan tersebut berpunca dari teknik dan kaedah yang digunakan oleh guru pemulihan. Kebanyakan guru pemulihan masih menggunakan kaedah tradisional yang tidak mampu menarik minat murid pemulihan untuk belajar khususnya untuk aktiviti membaca. Tiada interaksi antara guru dan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, menyebabkan murid menjadi pasif. Guru menguasai proses pembelajaran tanpa memberi peluang kepada murid atau lebih dikenali pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. Guru pula tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik yang menyebabkan murid menjadi bosan. Penggunaan buku teks sepenuhnya oleh guru di dalam kelas menambahkan lagi kebosanan murid-murid pemuliharaan untuk belajar.





Setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan mereka dapat dilihat melalui keintelektualan, tingkah laku, emosi, kecenderungan, pengalaman dan sebagainya. Murid-murid yang mengalami kesulitan pembelajaran mempunyai keyakinan diri yang rendah, sering mengalah, mudah kecewa, mempunyai gangguan emosi dan amat malu untuk bertanya. Kurang pengalaman dari semua segi memberi kesan kepada tahap pembelajaran mereka. Contohnya, mereka kurang pengalaman bergaul dengan masyarakat. Impaknya ialah mereka akan kekurangan menggunakan perbendaharaan kata menyebabkan pengetahuan perbendaharaan kata bahasa Melayu mereka amat terhad. Fenomena ini berlaku kepada murid India dan Cina yang jarang bergaul dengan masyarakat Melayu. Selain itu, pengkaji membuat pemerhatian di dalam kelas, didapati guru mengajar pada aras yang terlalu tinggi yang tidak bersesuaian dengan kebolehan murid. Contohnya guru terus mengajar murid membaca perkataan yang mengandungi diftong dan digraf mengikut silibus yang diberi, padahal murid belum mahir lagi membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup. Kesannya ialah murid merasa amat sukar untuk membaca dan menjadikan mereka putus asa untuk terus membaca. Guru sepatutnya mengaplikasikan pembelajaran masteri di mana memerlukan murid menguasai sesuatu kemahiran terlebih dahulu sebelum guru tersebut beralih mengajar kemahiran lain pula. Oleh sebab itu, murid yang lemah sukar untuk mengikuti pelajaran dan akhirnya mereka akan ketinggalan. Guru perlu menghabiskan sukatan pelajaran mengikut waktu yang ditetapkan. Dalam pada itu, isu bahasa ibunda mempengaruhi kemahiran membaca murid-murid. Contohnya, murid Cina dan India yang menggunakan bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi di rumah. Tambahan pula ibu bapa dan adik beradik mereka menggunakan sepenuhnya bahasa ibunda mereka di rumah. Selain itu alat komunikasi yang lain seperti televisyen dan surat khabar semuanya menggunakan bahasa ibunda





mereka. Murid-murid ini perlu mengambil masa yang lama untuk dipulihkan kerana mereka tidak faham apa yang dibaca dan tidak memahami kosa-kosa kata tersebut. Faktor-faktor inilah yang menyulitkan murid-murid ini mengembangkan penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Melayu.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kebolehan membaca murid-murid. Di antaranya ialah faktor-faktor yang terdapat di sekolah iaitu merangkumi guru, kelas, rakan sebaya, kemudahan di sekolah seperti perpustakaan, teknik dan kaedah guru mengajar dan bahan-bahan bacaan yang digunakan. Bahan-bahan bacaan pula dipengaruhi oleh ilustrasi, saiz huruf, *jenis font*, kesukaran linguistik dan pengarang bahan bacaan itu sendiri. Selain itu faktor yang lain termasuk jantina, umur, latar belakang keluarga, minat, tahap kesihatan dan sikap murid itu sendiri.



Kesemua faktor-faktor tersebut mempengaruhi kebolehan membaca murid-murid.

Beberapa orang penyelidik juga telah membuat kajian tentang isu membaca. Di antaranya ialah Marina bt Ramle (2012) dari Universiti Putera Malaysia. Tajuk kajian beliau ialah “Kesan Teknik Pengajaran Terhadap Prestasi Kemahiran Membaca Murid Pemulihan LINUS”. Penyelidik telah menjalankan kajian kepada 30 orang responden dengan menggunakan beberapa teknik iaitu teknik didik hibur, teknik penggabungjalinan, teknik pengulangan dan teknik ansur maju. Keempat-empat teknik ini digunakan untuk mengatasi masalah membaca murid pemulihan LINUS. Pada pendapat pengkaji teknik-teknik yang digunakan oleh penyelidik itu amat baik tetapi tidak nampak bahan yang berfokus digunakan untuk mengatasi masalah kemahiran membaca murid-murid tersebut. Sekiranya keempat-empat teknik tersebut





diaplikasikan bersama dengan satu bahan yang berfokus, contohnya komik maka isu masalah membaca murid LINUS dan pemulihan lebih mudah diatasi.

Selain itu, Zainiah Mohamad Isa (2013), dari Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menjalankan kajian tentang masalah membaca yang bertajuk “Keberkesanan Kaedah Pembacaan Buku Cerita Terhadap Kemahiran Kemunculan Literasi kanak-kanak”. Dalam kajiannya, beliau menggunakan buku cerita sebagai bahan untuk membantu murid membaca. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan buku cerita sudah agak biasa digunakan di dalam kelas. Selain itu penyelidik perlu memilih buku cerita yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Contohnya dari segi tata bahasanya, saiz huruf yang digunakan, jenis *font* yang digunakan, ilustrasi yang menarik dan sebagainya. Pemilihan *font* amat penting kerana font yang sesuai seperti



font “*Comic Sans MS*” menggunakan huruf **a** yang mudah dikenal pasti oleh murid

berbeza dengan font “*Times New Roman*” (huruf ‘**a**). Pengkaji merasa terpenggil untuk menjadikan komik sebagai bahan bantu mengajar untuk menggantikan buku cerita untuk mengatasi masalah membaca murid pemulihan. Pada pandangan pengkaji, komik lebih menarik minat murid pemulihan untuk membaca kerana ayatnya ringkas dan mudah difahami. Selain itu ilustrasi komik berbentuk kartun dan gaya penulisannya agak santai dan diselitkan banyak unsur jenaka.

Walaupun tahun 2012 telah berlalu, namun isu masalah membaca masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Jelasnya, KPI (*Key Performance Indicator*) Kementerian Pendidikan Malaysia tidak tercapai kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan bahawa menjelang tahun 2012, semua murid yang tidak mempunyai





masalah pembelajaran dapat menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikut pendidikan rendah. Dewasa ini, masih wujud lagi kelas-kelas pemulihan dan guru-guru pemulihan di sekolah. Apabila kelas pemulihan dan guru pemulihan masih wujud maka masih wujudlah murid-murid pemulihan yang tidak menguasai kemahiran membaca. Fenomena inilah yang menjadi isu yang ingin dikaji dan mencari jalan penyelesaiannya. Pengkaji memfokuskan kajian terhadap isu membaca tidak lancar dalam kalangan murid-murid pemulihan tahun dua dan tahun tiga. Mereka tidak faham apa yang mereka baca apabila murid tidak dapat membaca dengan lancar. Masalah ini menjadi semakin serius apabila murid gagal menjawab soalan kefahaman berdasarkan petikan yang diberi.

Melalui kajian-kajian yang telah dibuat oleh beberapa penyelidik dari universiti-universiti di Malaysia, dapatlah dibuat rumusan bahawa masalah membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Penyelidik-penyelidik menggunakan beberapa kaedah dan teknik untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Data keputusan saringan LINUS yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di Sekolah Kebangsaan (M) Saint Aidan pada tahun 2015, terdapat 31 orang murid tahun satu, dua dan tiga masih tidak dapat membaca dengan lancar. Manakala terdapat 28 orang murid tahun satu dan dua di Sekolah Kebangsaan (F) Bandar Baru Seriting masih belum menguasai kemahiran membaca dengan lancar.





Berdasarkan isu membaca tersebut maka pengkaji membuat kajian ini dengan menggunakan komik Kesimpulannya, walaupun pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan beberapa usaha untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan murid namun usaha-usaha tersebut belum berjaya diatasi sepenuhnya.

1.4 Objektif kajian

- i. Menenal pasti penggunaan komik sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar.
- ii. Menghuraikan penggunaan komik menarik minat murid pemulihan untuk membaca
- iii. Menenal pasti keberkesanan komik dalam meningkatkan prestasi membaca dalam kalangan murid pemulihan.

Objektif yang pertama yang ingin dicapai oleh pengkaji ialah untuk menenal pasti kesesuaian komik tersebut digunakan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas pemulihan. Objektif yang kedua pula ialah menghuraikan penggunaan komik mampu menarik minat murid pemulihan untuk membaca. Selain dari temu bual yang dijalankan, minat murid tersebut dapat dilihat melalui pemerhatian yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas pemulihan. Seterusnya objektif yang ketiga untuk menenal pasti keberkesanan penggunaan komik untuk meningkatkan pencapaian membaca murid pemulihan.. Keberkesanan penggunaan modul ini dapat dilihat melalui pencapaian membaca murid pemulihan




melalui ujian membaca yang dibuat oleh guru pemulihan dan melalui saringan membaca LINUS yang disediakan oleh KPM.

1.5 Soalan Kajian

- i. Adakah penggunaan komik sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar?
- ii. Bagaimanakah komik dapat menarik minat murid pemulihan untuk membaca?
- iii. Bagaimanakah prestasi membaca murid pemulihan dapat ditingkatkan ?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Petunjuk

Diambil dari Model Kemmis & Mc Taggart

Diambil dari Model Johnson

Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Reka bentuk kajian pengkaji ialah kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan ialah kajian tindakan. Kajian yang dijalankan melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan di dalam kelas pemulihan. Pengkaji telah menggabungkan dan menjana dua model iaitu Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson. Berdasarkan peta alir di atas, kajian tersebut melalui beberapa fasa, bermula dengan fasa merancang hinggalah ke fasa sorotan literatur. Sepuluh fasa telah dilalui oleh pengkaji dalam kajian ini. Isu atau masalah dalam kajian ini ialah masalah membaca tidak lancar dalam kalangan murid-murid pemulihan. Dalam fasa merancang, pengkaji menggunakan modul interaktif berbentuk komik yang digunakan dalam aktiviti membaca murid-murid pemulihan.

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik, analisis dokumen dan kaedah rakaman video. Seterusnya untuk fasa bertindak, guru pemulihan menggunakan modul interaktif yang berbentuk komik yang disediakan oleh pengkaji. Pengkaji membuat pemerhatian semasa guru pemulihan sedang mengajar. Pemerhatian tertumpu pada murid pemulihan (responden) dan penggunaan modul interaktif oleh guru pemulihan. Pengkaji juga membuat rakaman semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Tujuannya ialah untuk membuat pemerhatian semula sekiranya pengkaji ada tertinggal membuat catatan semasa pengajaran dan pembelajaran secara langsung. Kemudian semua data dikumpul dan dianalisis mengikut kaedah triangulasi data dan ATLAS.ti. Fasa mereflek memberi peluang kepada pengkaji untuk menilai kajian yang dijalankan sama ada berjaya atau tidak. Seterusnya pengkaji membuat satu pelan tindakan bagaimana isu atau masalah tersebut dapat diselesaikan. Pengkaji berkongsi pendapat dengan pihak sekolah





termasuklah guru besar, guru penolong kanan kurikulum, guru pemulihan khas dan guru mata pelajaran bahasa Melayu.

Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson ini digunakan dalam kajian tindakan yang menjurus kepada bidang pendidikan. Tujuan utama adalah untuk mengatasi, menangani dan menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam bentuk penemuan ilmu baharu atau strategi penyelesaian kepada suatu masalah pendidikan untuk mencapai kecemerlangan. Model-model kajian tindakan ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti masalah. Ini berlaku apabila pengkaji merenung kembali amalan dan kaedah yang digunakan dalam bilik darjah dari perspektif yang lebih luas dalam membuat tindakan selanjutnya bagi memperbaiki amalan.



Pengkaji menggunakan dua model dalam kajian ini iaitu Model Kemmis & Mc Taggart dan Model Kajian Tindakan Johnson. Kedua-dua model ini dijana untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih mantap. Bermula dengan model kajian tindakan Johnson iaitu mengenal pasti masalah, pengkaji meneruskan kajian dengan memasukkan empat langkah mengikut Model Kemmis & Mc Taggart dan memasukkan sekali merancang pungutan data. Seterusnya pengkaji kembali semula dengan Model Kajian Johnson sehinggalah langkah berkongsi dapatan dengan pihak yang berkaitan.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan komik dalam kemahiran membaca murid-murid pemulihan. Fokus kajian tertumpu pada kemahiran membaca bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Saint Aidan (M) dan Sekolah Kebangsaan (F) Bandar Baru Serting. Kedua-dua sekolah ini terletak di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Dua buah sekolah ini dipilih berdasarkan faktor lokasinya. Sekolah Kebangsaan Saint Aidan (M) adalah kategori bandar manakala SK (F) Bandar Baru Serting adalah kategori luar bandar. Selain itu, sekolah ini dipilih sebagai tempat kajian kerana kedua-dua sekolah mempunyai murid-murid pemulihan.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih komik “Kampung Boy” yang bertajuk “Debab”. Komik yang diadaptasi oleh pengkaji dari salah satu siri animasi “*Kampung Boy*” yang disiarkan di saluran 611 Astro Ceria. Komik ini dipilih kerana cerita ini telah disiarkan. Siri animasi “*Kampung Boy*” berasal dari komik hasil karya Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali dengan nama “Kartunis Lat”. Kartunis Lat telah menghasilkan Komik “*Kampung Boy*” yang diterbitkan oleh Berita Publishing pada tahun 1979. Cetakan pertamanya berjumlah 60,000 buah. Komik ini juga telah diterjemahkan dalam 12 bahasa dunia seperti bahasa Jepun, Perancis, Jerman, Arab, Mandarin, Tamil, Korea, Portugis dan lain-lain. Pada tahun 2008, Lat meminta *Berita Publishing* untuk menterjemah komik tersebut dalam bahasa Melayu. Komik tersebut telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh Zainon Ahmad yang diberi judul “Budak Kampung”. Bermula pada tahun 1995, komik ini telah diadaptasi untuk tayangan di kaca televisyen. Proses adaptasi ini mengambil masa selama empat tahun dengan kerjasama syarikat dari Malaysia, Filipina dan Amerika Syarikat. Pada tahun





1994, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah mengurniakan gelaran Datuk kepada Lat sebagai pengiktirafan kepada jasa kartunis ini dalam membantu memupuk harmoni dan persefahaman sosial menerusi kartun-kartunnya. Selain itu komik “*Kampung Boy*” telah memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa seperti Anugerah Kebudayaan Asia Fukuoka di Jepun (2002), Anugerah *Children’s Book Council and Booklist Editor’s Choice* (2006) dan Anugerah *Outstanding International Book* (2007) di Amerika Syarikat. Selain itu animasi “*Kampung Boy*” telah memenangi anugerah Animasi Terbaik untuk episod “Oh, Tok” dalam Festival filem animasi *International Annecy* yang diadakan di Perancis pada tahun 1999.

Lat dilahirkan pada 05 Mac 1951 di Kota Baru, Perak. Bapanya bekerja sebagai kerani bersama Tentera Darat Malaysia manakala ibunya seorang suri rumah.



Lat pada zaman kanak-kanaknya bermuka bulat. Oleh sebab itu nama timangannya ialah ‘Bulat’. Rakan-rakannya pula lebih mesra memanggilnya “Lat”. Komik ini mengisahkan kehidupan Lat yang menghabiskan zaman kanak-kanaknya di kampung pada 1950-an dan awal 1960-an, termasuk sekali kisah-kisah keluarga di luar bandar, adat resam kekeluargaan tradisional, pendidikan awal Lat dan kegiatan-kegiatan luar bersama rakan-rakannya. Buku ini diakhiri dengan Lat meninggalkan kampung untuk pergi ke sekolah berasrama di Ipoh (*National Type Primary School*) setelah beliau lulus dalam peperiksaan *Special Malay Class*. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Anderson, sekolah berpengantar bahasa Inggeris bukan mubaligh yang terulung di Ipoh.





Gambar 1.1. Komik “Kampung Boy”

Gambar 1.1 di atas merujuk kepada kulit depan komik “Kampung Boy” yang menggambarkan rumah tradisional orang Melayu di Perak, iaitu tempat tinggal

watak utama bersama keluarganya.



Gambar 1.2. Watak utama dalam komik “Kampung Boy”

Gambar 1.2 pula merujuk kepada watak utama dalam komik iaitu Mat. Mat tinggal bersama ibu bapanya dan seorang adik perempuan. Bapanya lebih mesra dengan panggilan Yup. Adik perempuannya pula bernama Ana. Mat juga mempunyai nenek tetapi tidak tinggal bersama mereka. Mat memanggil neneknya dengan panggilan opah.



Gambar 1.3. Watak-watak sampingan yang terdapat dalam komik “Kampung Boy”

Watak-watak sampingan dalam komik adalah seperti dalam gambar 1.3 yang terdiri daripada rakan-rakan Mat seperti Bo, Tak dan Normah. Ketiga-tiga gambar tersebut berhubung kait dengan komik “Kampung Boy” yang digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya. Beberapa gambar di atas dimasukkan untuk memberi gambaran awal tentang modul interaktif berbentuk komik yang digunakan pengkaji dalam kajian ini. Komik ini dipilih untuk dijadikan Modul Interaktif dalam kajian kerana komik ini mempunyai nilai yang tinggi di dalam negara mahupun di luar negara.



Pengkaji memilih komik “Kampung Boy” dalam kajian ini kerana cerita “Kampung Boy” telah ditayangkan dalam saluran 611 Astro Ceria. Kebanyakan kanak-kanak pernah menonton cerita ini. Penulis komik ini juga ialah kartunis tersohor iaitu Mohd Nor Khalid atau lebih dikenali dengan nama Lat. Sultan Perak, Sultan Azlan Shah mengurniakan gelaran Datuk kepada Lat sebagai pengiktirafan kepada jasa kartunis ini. Selain itu komik ini mempunyai nilai komersial yang tinggi. Komik ini telah diterjemahkan dalam 12 bahasa dunia seperti bahasa Jepun, Perancis, Jerman, Arab, Mandarin, Tamil, Korea, Portugis dan lain-lain.

Komik kedua yang digunakan oleh pengkaji ialah komik yang bertajuk “Nenek Kebayan” yang diadaptasi oleh pengkaji dari siri animasi “Upin dan Ipin” yang disiarkan di saluran 611 Astro Ceria. Nyla Sdn Bhd pula adalah penerbit bahan-bahan bacaan bercetak yang menggunakan cerita-cerita dan watak-watak daripada siri animasi Upin & Ipin dengan izin berlesen dari *Les’Copaque Production Sdn. Bhd.* Pihak Nyla Sdn Bhd telah berjaya memasarkan komik ini ke negara Singapura dan Brunei. Komik ini juga terdapat dalam versi Bahasa Inggeris. Komik ini mengisahkan kehidupan sepasang kembar yang diberi nama Upin dan Ipin yang berumur lima tahun sebagai watak utama. Mereka adalah anak yatim piatu. Mereka mempunyai seorang kakak bernama Kak Ros. Kak Ros seorang yang tegas dan garang tetapi mempunyai hati yang baik dan amat menyayangi adik kembar beliau tanpa disedari oleh Upin dan Ipin. Mereka tinggal bersama nenek mereka yang mereka panggil “Opah”. Opah mereka bersikap lemah lembut dan selalu memberi nasihat kepada mereka.






Watak sampingan termasuklah Tok Dalang, Cikgu Melati, Abang Saleh dan rakan-rakan baik mereka iaitu Mei Mei, Jarjit, Fizi, Mail dan Ehsan. Ehsan merupakan ketua kelas yang sering menjadi pengadil dalam sesuatu permainan. Fizi pula merupakan sepupu Ehsan yang sering menjadi mangsa keadaan. Mei Mei pula, seorang yang comel, bersopan-santun dan sering memberi pendapat. Mail suka berniaga. Beliau cuba untuk menjual apa sahaja yang mendatangkan keuntungan dengan laungan “dua, seringgiti” manakala Jarjit pula seorang kanak-kanak Sikh yang sangat periang. Walaupun sebaya, namun suara dan wajahnya kelihatan lebih matang serta beliau sangat suka teka-teki dan berpantun.

Penulis cerita ialah Hj Burhanuddin Radzi, Hjh Ainon Ariff, Mohd Nizam Abd Razak dan Mohd Safwan Abdul Karim. Kemudian dimajukan oleh *Les' Copaque Production Sdn Bhd*. Pihak Nyla Sdn Bhd pula bertanggungjawab menghasilkan komik Upin & Ipin..Animasi Upin & Ipin telah disiarkan buat pertama kalinya pada bulan Ramadhan 2007 di TV9 (Malaysia). Musim pertama Upin & Ipin memenangi anugerah Animasi Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Kuala Lumpur 2007. Selain itu, Upin & Ipin disenaraikan dalam *Malaysia Book of Record* sebagai “Animasi Paling Berjaya” pada tahun 2011. Kedua-dua komik ini digunakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bacaan responden. Komik ini mempunyai ilustrasi yang menarik dan berwarna untuk menarik minat responden untuk membaca. Selain itu, ilustrasi yang terdapat dalam komik ini juga berfungsi untuk membantu memberi kefahaman kepada murid tentang cerita tersebut.Seterusnya barulah kanak-kanak akan membaca jalan cerita tersebut.



Setelah mengadaptasi kedua-dua cerita tersebut, pengkaji menulis dialognya supaya bersesuaian dengan murid pemulihan tetapi masih menggunakan beberapa ilustrasi yang terdapat dalam cerita asal. Selain itu pengkaji menggunakan font “comic sans MS”. Pengkaji menggunakan font “comic sans MS” untuk memudahkan murid pemulihan membaca. Huruf ‘a’ ditulis seperti ‘ɑ’. Mereka tidak akan keliru ketika membaca. Fon ialah satu set karakter (characters). Reka bentuk karakter yang dimaksudkan ialah gabungan antara gaya penulisan, saiz, pengagihan ruang dan pitch (bilangan karakter dalam satu inci). Ketinggian karakter dalam fon diukur dalam unit yang dipanggil point, di mana setiap point adalah menghampiri 1/72 inci. Lebar fon pula diukur dalam unit pitch. Kebanyakan murid lebih menggemari fon “comic sans MS” jika dibandingkan dengan fon yang lain.



Rajah 1.2. Peratusan Pemilihan Fon



Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan murid-murid lebih menggemari fon “comic sans MS” berbanding dengan fon yang lain. Kajian Bernard and Mills pada tahun 2001 mendapati kanak-kanak dalam purata umur 10 tahun lebih cenderung untuk memilih fon Arial bersaiz 14 mata dan fon Comic San MS bersaiz 12 mata berbanding dengan fon Times New Roman dan Courier bersaiz 12 mata. Graf 1.2 di atas adalah hasil dapatan daripada kajian yang mereka jalankan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kemahiran membaca menjadi punca ke arah pembelajaran berkesan. Kecemerlangan yang dicapai oleh murid dalam mata pelajaran lain berpunca dari kemahiran membaca yang dapat mereka kuasai sepenuhnya. Murid yang lemah dalam kemahiran membaca semenjak dari tahun satu akan terus tertinggal ke belakang dalam semua mata pelajaran. Keadaan menjadi semakin parah sekiranya murid-murid ini tidak berjaya dipulihkan sebelum mereka melangkah ke sekolah menengah. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan kepada guru dan murid, kepada pihak sekolah, kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan kepada penulis dan penerbit komik.

i. Kepada guru dan murid

Kajian ini dapat menyedarkan guru bahawa penggunaan komik dalam kemahiran membaca dapat memudahkan pengajaran guru serta dapat menarik minat murid untuk membaca. Berbantuan ilustrasi yang berwarna-warni di dalam komik akan meningkatkan lagi kemahuan murid untuk mula membaca. Tambahan pula gambar-





gambar kartun yang terdapat dalam komik sudah tidak asing lagi bagi mereka. Mereka biasa menontonnya di kaca televisyen. Bermula dengan melihat gambar, akhirnya mereka akan mula membaca komik tersebut sehingga tamat. Sokongan dari guru pemulihan pula akan membantu murid-murid ini menguasai kemahiran membaca. Dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, (SKPM) elemen 9.13, pengajaran dan pembelajaran yang menyentuh disposisi guru telah menyatakan kepentingan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam kalangan guru sekolah. Apabila dilihat teori kecerdasan pelbagai, terdapat lapan kecerdasan yang merangkumi intrapersonal, interpersonal, visual ruang, muzik, kinestetik, naturalis, verbal linguistik dan logik matematik. Ada di antara murid yang mempunyai kecerdasan visual ruang, ada pula yang cenderung kepada kecerdasan matematik dan ada pula yang cenderung kepada muzik. Guru perlu bijak untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan bersesuaian dengan kecerdasan murid-murid tersebut. Salah satu cara untuk guru mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan ialah dengan menggunakan komik sebagai bahaan bacaan kepada murid. Hasil kajian ini juga dapat menjelaskan penggunaan komik membantu guru melaksanakan pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas.

ii. Kepada pihak sekolah

Kajian ini dapat menjelaskan kepada pihak sekolah dan pentadbir tentang penggunaan komik pendidikan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca untuk murid-murid pemulihan. Pihak sekolah harus berasa bertanggungjawab membantu guru-guru pemulihan untuk mengatasi masalah membaca tidak lancar dalam kalangan murid-murid pemulihan. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu membeli beberapa komik pendidikan yang sesuai untuk murid-murid pemulihan dan





boleh membeli beberapa komik pendidikan yang sesuai untuk diletakkan di perpustakaan sebagai bahan bacaan tambahan kepada murid. Bukan sahaja komik pendidikan ini sesuai digunakan oleh murid pemulihan sahaja malah ia juga sesuai digunakan dalam kelas aliran perdana. Murid akan teruja untuk membaca komik pendidikan jika dibandingkan dengan membaca buku teks. Namun demikian komik pendidikan yang digunakan perlulah mengikut skop yang ditetapkan seperti mempunyai perbendaharaan kata dan tata bahasa yang betul, bukannya menggunakan bahasa pasar seperti komik picisan yang banyak terdapat di pasaran.

Hasil dapatan kajian ini juga dapat memberi dorongan kepada pihak sekolah khususnya pihak pentadbir supaya bersikap positif dengan berusaha menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar untuk kegunaan semua guru di dalam bilik darjah.

Mereka harus maju ke depan dengan menggalakkan para guru menerokai teknik pengajaran dan pengajaran di dalam kelas menuju sistem pembelajaran abad ke-21. Kaedah tradisional seperti kaedah "*chalk and talk*" hendaklah ditinggalkan seiring dengan pemikiran murid pada abad ini. Salah satu bahan bacaan yang sesuai digunakan ialah komik pendidikan yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam dunia pendidikan.

iii. Kepada Pejabat Pendidikan Daerah Jempol & Jelebu dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

Dapatan kajian ini dapat memberi peluang kepada pihak Jabatan Pendidikan merancang untuk mengadakan kursus atau bengkel kepada guru-guru untuk membina satu modul interaktif yang berbentuk kartun. Pihak Jabatan Pendidikan boleh menjemput kartunis-kartunis tanah air seperti kartunis Ujang, Imuda, Lat dan lain-lain





untuk memberi tunjuk ajar kepada guru-guru untuk melukis asas kartun. Seterusnya, modul-modul yang dibina bolehlah digunakan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Pihak Jabatan Pendidikan harus memandang elemen dan implikasi komik pendidikan terhadap stigma sosial pembaca Malaysia khususnya kepada murid sekolah. Elemen utama dalam komik pendidikan harus dikenalpasti supaya dapat diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah. Hasil kajian ini juga memberi input kepada pihak jabatan pendidikan bahawa komik pendidikan mempunyai potensi menjadi medium pilihan primer dalam kalangan kanak-kanak kerana kandungannya memenuhi kandungan intelektual dan kehendak emosi golongan tersebut. Selain dari itu penggunaan komik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi unsur teknik didik hibur yang cuba diketengahkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Unsur-unsur pengajaran yang menyeronokkan amat bertepatan dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas khususnya kepada murid-murid pemulihan. Suasana pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih interaktif serta berpusatkan murid. Oleh hal yang demikian, penggunaan komik amat sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran terutama untuk mengajar murid membaca. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah Jempol & Jelevu (PPDJJ) pula bertindak sebagai pelaksana dengan mengadakan kursus dan bengkel untuk guru-guru pemulihan tersebut.

iv- Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan dapatan daripada kajian , pihak Kementerian Pendidikan merujuk kepada hasil dapatan sebagai petunjuk dalam menghasilkan modul komik bacaan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pihak kementerian boleh merancang bagaimana untuk menyediakan modul komik tersebut untuk kegunaan





murid-murid di sekolah.. Hasil dapatan kajian ini juga dapat memberi inspirasi kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempelbagaikan bahan pengajaran atau buku teks di dalam bilik darjah seperti komik sebagaimana yang telah diamalkan oleh negara maju seperti Jepun, Korea dan China. Pihak KPM harus peka di mana sudah ada penerbit di Malaysia iaitu Gemilang Publishing Sdn Bhd di bawah label Exact Publisher menerbitkan siri komik pendidikan tempatan dalam bahasa mandarin. Penerbit ini juga telah menterjemahkan komik tersebut dalam bahasa Malaysia untuk dibaca oleh kanak-kanak pelbagai kaum. Beberapa tahun kebelakangan ini, Gemilang Publishing Sdn Bhd mendapat sambutan yang lebih besar bagi komik-komik pendidikan dari Korea Selatan yang diterjemahkan dalam bahasa Mandarin. Komik-komik berkenaan juga sedang diusahakan untuk diterjemah dalam bahasa Malaysia dan beberapa judul menarik di bawah siri “Keluarga Bakhil” dan “Kembara Keluarga Bakhil” akan memasuki pasaran. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia harus menggalakkan budaya pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas. Salah satu kaedah yang patut digunakan ialah membudayakan pembelajaran berasaskan komik pendidikan.

v. Kepada Penulis dan Penerbit Komik

Dapatan kajian ini juga dapat menyumbangkan maklumat kepada penerbit dan penulis komik dalam menghasilkan komik ilmiah yang bersesuaian untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ramai penulis komik di Malaysia yang berusaha menulis komik yang bermutu seperti Dato’ Lat, Ujang, Rejabhab, Jaafar Taib, Zainal Buang Huseein, Cabai, Imuda dan lain-lain. Penulis komik berbangsa Cina juga giat menghasilkan komik seperti kartunis Reggie Lee, Beng Wong, Totoro Chang Bung Kiat, Clay Lim Shi Min dan lain-lain lagi. Beng





Wong pernah mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa dengan memenangi Anugerah Manga Antarabangsa (IMA) di Jepun menerusi komik ‘Le Gardenie’.

Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini dapat memberi idea kepada mereka untuk menyetengahkan hasil karya mereka ke dunia pendidikan di sekolah. Selain dari dapat menjana pendapatan masing-masing dengan penghasilan komik pendidikan mereka, malah akan dapat mengangkat martabat komik ke aras yang lebih tinggi setaraf dengan buku-buku pendidikan dan majalah-majalah pendidikan yang digunakan dalam dunia pendidikan dewasa ini. Tidak mustahil bahan bacaan seperti komik dapat bersaing dengan bahan-bahan pendidikan yang lain kerana penggunaan bahan bacaan komik di sekolah telah digunakan di luar negara seperti negara Jepun, Korea dan Amerika Syarikat. Namun demikian semua penulis komik harus bijak menggunakan laras bahasa yang betul dan memilih isi kandungan komik yang sesuai dengan sistem pendidikan di Malaysia. Sekiranya pihak penulis dan penerbit komik mampu menerbitkan komik ilmiah tempatan maka tidak perlulah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memperuntukan wang yang banyak untuk membeli hasil keluaran komik dari luar negara seperti komik ‘*Jungle Book*’ yang digunakan sebagai teks sastera oleh murid tahun empat dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris sekarang.

vi. Kepada Masyarakat

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini dapat membuka mata masyarakat sekeliling bahawa komik pendidikan dapat membantu kanak-kanak dalam kemahiran membaca. Masyarakat boleh menerima komik sebagai bahan bacaan anak-anak mereka di rumah. Mereka perlu menghapuskan tanggapan negatif bahawa membaca komik





adalah semata-mata untuk hiburan. Namun demikian mereka perlu memantau jenis komik yang dibaca oleh anak-anak mereka. Komik pendidikan atau komik yang berbentuk ilmiah amat sesuai dibaca oleh anak-anak mereka. Selain dari dapat memupuk minat membaca, komik pendidikan juga dapat membantu kemahiran anak-anak membaca terutama anak-anak yang berada di peringkat pra sekolah dan sekolah rendah.

1.9 Definisi Konsep dan Operasional

1.9.1 Membaca

Kemahiran asas membaca, menulis dan mengira adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid di sekolah rendah (PPK, 1992). Menurut Imam Al-Ghazali dalam Kitab Ar-Risalatul Laduniyyah, ilmu diperoleh dengan cara membaca, menulis dan membuat kajian terhadap sesuatu hal. Membaca juga bermaksud bermula dengan menamakan huruf, membunyikan vokal, membaca suku kata, membaca perkataan, membaca ayat dan seterusnya memahami ayat dan perenggan (JPK, 1999). Kurikulum Baru Sekolah Rendah menfokuskan bacaan mekanis kepada murid-murid tahun satu, dua dan tiga. Bacaan mekanis ialah penyebutan yang betul mengikut sebutan baku sesuatu bahasa, tanda baca dan intonasi mengikut teks yang dibaca, selain dari memahami teks yang dibaca (PPK, 1982). Membaca adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Bacaan adalah gabungan proses menyuarakan lambang-lambang tulisan, mengamati serta memahaminya (Abu Basar, 1981). Manakala





Kennedy (1981) mendefinisikan bacaan sebagai kemampuan seseorang untuk mengecah bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan), menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui dan seterusnya berasaskan pengalaman lalu memahami dan mentafsirkan maksudnya (Maahoraini Yusoff, 1999)

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1988, p. 157), membaca ialah menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya. Mengajar membaca bererti mengajar murid-murid memindahkan tulisan kepada suara serta melatih mereka memahami apa yang terkandung dalam bacaan itu. Anderson dalam Tarigan (2008, p. 7) mengemukakan bahawa membaca adalah proses dekoding (*decoding*). Ertinya, suatu kegiatan untuk memecahkan lambang-lambang verbal.

Proses dekoding dapat diertikan pula sebagai proses penghubung kata-kata tulis (*written word*) dengan bahasa lisan (*oral language meaning*) yang mencakupi pengubahan tulisan atau cetakan menjadi bunyi yang bermakna. Membaca juga bermaksud mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, papan tanda dan sebagainya secara lisan dengan kuat, memahami makna sesuatu seperti tanda, huruf dan sebagainya tidak dengan mata tetapi dengan jari yang juga dikenali sebagai braiille.

Proses bacaan pula melibatkan deria, pengamatan, bahasa dan mental manakala kesediaan membaca melibatkan fizikal, persekitaraan, emosi, kognitif, diskriminasi dan penguasaan. Membaca mempunyai matlamat atau tujuan iaitu yang pertama ialah untuk tujuan serta-merta dan tujuan yang kedua ialah untuk tujuan lanjut. Tujuan serta merta membolehkan murid membaca dan memahami. Murid





boleh membaca dengan pantas, lancar dan tidak teragak-agak serta tidak mengambil masa yang lama. Selain itu tujuan serta merta membolehkan murid membaca secara sendirian tanpa pertolongan orang lain. Ini bermakna pendiriannya baik, kemas dan kukuh. Tujuan serta-merta mempunyai tujuan-tujuan lain seperti untuk membolehkan murid-murid membaca dengan bunyi atau sebutan dan intonasi yang betul, membolehkan murid-murid membaca senyap tanpa merasa sebarang gangguan, mewujudkan sikap suka dan mahu membaca terus-menerus dan mencari makna, pengertian dan pengajaran daripada apa yang dibaca. Selain itu tujuan serta-merta ialah untuk menimbulkan minat mahu membaca sebagai hiburan dan mengisikan masa lapang serta menambahkan ilmu pengetahuan.

Tujuan lanjut bermakna murid memperoleh pelbagai pengetahuan setelah tujuan serta-merta dapat dicapai dan disempurnakan. Pembacaan meluas buku-buku, bahan-bahan dari sumber internet dan bahan-bahan autentik dapat mencapai tujuan lanjut ini. Secara tuntasnya, tujuan membaca dapatlah dirumuskan seperti boleh membaca dengan intonasi dan sebutan yang betul, membaca cepat dan lancar, memahami bahan yang dibaca dan dapat menggunakan perkataan sendiri untuk menyatakan pemahaman terhadap bahan bacaan. Selain itu tujuan membaca dirumuskan sebagai membaca senyap tanpa gangguan, menanamkan sikap suka membaca atau menjadikan sikap suka membaca sebagai amalan dan menambah pengetahuan.





Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah KBSR, kemahiran membaca merupakan keupayaan murid membaca ayat dengan lancar serta sebutan, intonasi, dan jeda yang betul. Antara matlamat kemahiran membaca dalam Sukatan Bahasa Melayu KBSR ialah :

- Murid-murid dapat membaca pelbagai bahan sastera dan bahan berunsurkan pengetahuan dengan menggunakan teknik membaca yang sesuai dan berkesan.
- Memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan.

Membaca ialah satu proses yang kompleks yang melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan penulis melalui tulisan. Terdapat dua jenis bacaan yang dipraktikkan di sekolah. Bacaan tersebut ialah bacaan mekanis (bacaan bersuara) dan bacaan mentalis (bacaan secara senyap). Bacaan mekanis melibatkan alat-alat artikulasi atau alat-alat pertuturan. Bacaan mekanis selalu dilaksanakan di kelas-kelas tahun satu dan tahun dua. Tujuan bacaan mekanis ialah untuk guru mendengar bacaan murid dengan jelas. Apabila murid membaca kuat, guru dapat mengenal pasti kesalahan sebutan murid ketika membaca. Guru dapat membetulkan kesalahan murid serta merta. Contohnya kesalahan menggunakan tanda baca ketika membaca seperti berhenti membaca apabila berjumpa tanda noktah dan berhenti sekejap ketika berjumpa tanda koma. Guru juga dapat mendengar intonasi bacaan murid-murid. Contohnya membaca dengan nada yang betul ketika melafazkan pantun, mendeklamasikan sajak melagukan syair dan sebagainya. Biasanya bacaan mekanis dimulakan dengan membaca secara beramai-ramai (secara kelas), kemudian murid-murid akan membaca secara kumpulan pula dan akhir sekali murid akan membaca secara individu. Tujuan





membaca secara beramai-ramai terlebih dahulu ialah untuk memberi keyakinan kepada murid. Apabila murid telah mempunyai keyakinan barulah mereka diminta membaca secara individu.

Bacaan mentalis pula ialah bacaan senyap tanpa suara. Murid hanya membaca dalam hati dan cuba memahamkan apa yang dibaca. Bacaan mentalis lebih cepat jika dibandingkan dengan bacaan mekanis kerana bacaan mekanis tidak memerlukan nada dan intonasi suara yang betul. Bacaan mentalis sesuai digunakan untuk semua peringkat sama ada untuk murid tahap satu atau untuk murid tahap dua di sekolah rendah. Walaupun bacaan mentalis banyak dipraktikkan kepada murid tahap dua di sekolah rendah namun bacaan mentalis ini juga perlu dipraktikkan kepada murid tahap satu kerana mereka perlu membuat bacaan mentalis ketika berada di perpustakaan dan semasa mereka menduduki peperiksaan. Tujuan bacaan mentalis dilakukan ialah untuk menggalakkan murid membaca dengan lebih laju dan cepat untuk memahamkan apa yang dibaca. Bacaan mentalis menjadikan murid lebih fokus untuk mencari isi-isi penting tentang bahan bacaan yang mereka baca. Suasana kelas juga menjadi senyap dan amat mudah untuk guru mengawal kelas.

Jean Chall (1983; dalam Allington, 2009) menyatakan peringkat pertama membaca adalah tumpuan kepada perkataan. Kanak-kanak menunding semasa mereka membaca. Apabila mereka telah dapat memadankan sebutan dan tulisan, menunjukkan mereka telah faham konsep 'perkataan' dan mula memberikan perhatian kepada teks yang dibacanya. Kelancaran membaca ialah murid dapat membaca teks tanpa tersekat-sekat. Selain itu murid dapat menumpukan pembacaan dengan yakin dengan suara yang kuat tanpa mengerdip-ngerdipkan mata dan



membaca dengan teragak-agak. Kelancaran membaca juga membawa kepada kefahaman tentang apa yang dibaca. Apabila kebolehan mereka untuk menyah kod telah berkembang, kurang kapasiti kognitif digunakan bagi memproses perkataan-perkataan, jadi kapasiti kognitif untuk pemahaman mulai berkembang (Allington, 2009). Samuels (2006) menjelaskan bahawa pembaca lancar adalah pembaca yang boleh menyahkod dan memahami pada masa yang sama.

1.9.2 Program Pemulihan Khas

Program Pemulihan Khas didefinisikan sebagai “Satu program pendidikan disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas 3M yang kompleks, disebabkan oleh faktor persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus di ruang yang khusus (KPM 2001).

Konsep Program Pemulihan Khas ialah disediakan khusus untuk murid pemulihan tahap satu yang mempunyai kesulitan penguasaan asas literasi dan numerasi dan murid pemulihan Tahap dua yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Program Pemulihan Khas ini dijalankan oleh guru yang khusus (luar norma) dengan nisbah 15 : 1 di mana pada setiap sesi pengajaran bilangan murid pemulihan tidak melebihi lima belas orang. Selain itu, Program ini menggunakan “*system withdrawal*” di mana murid pemulihan dikeluarkan dan diajar di kelas khas. Murid akan dimasukkan ke kelas asal untuk meneruskan pembelajaran bagi mata pelajaran lain. Matlamat Program Pemulihan Khas dirangka supaya murid pemulihan berkeupayaan menguasai asas Literasi dan Numerasi setelah mengikuti



pendidikan sekolah rendah selama tiga tahun kecuali murid berkeperluan khas dan menguasai kemahiran 3M setelah tamat sesi persekolahan sekolah rendah. Objektif Program Pemulihan Khas pula ialah murid dapat mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran mengikut tahap keupayaan murid pemulihan dan mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dalam pembelajaran serta komunikasi harian. Selain itu, murid pemulihan akan berusaha bersaing dengan murid-murid aliran perdana di dalam kelas aliran perdana. Mereka akan lebih berasa yakin terutama apabila setiap guru memberi dorongan dan sokongan kepada mereka untuk terus maju dalam pelajaran.

Program pemulihan khas mempunyai guru pemulihan khas. Setiap sekolah rendah di Malaysia mempunyai guru pemulihan khas sama ada atas lantikan oleh pihak sekolah ataupun dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri. Guru pemulihan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai opsyen pemulihan khas manakala guru pemulihan yang dilantik oleh pihak sekolah adalah dalam kalangan guru biasa tetapi mereka akan dihantar berkursus dari semasa ke semasa. Guru pemulihan ditetapkan mengajar di kelas pemulihan khas sahaja. Mereka tidak dibenarkan mengajar dalam kelas aliran perdana. Mereka juga tidak dibenarkan menjadi guru ganti (guru *relief*) apabila ketiadaan guru dalam kelas aliran perdana.

Guru Pemulihan Khas mempunyai lima peranan penting iaitu peranan sebagai penilai. Peranan sebagai penilai merangkumi menyediakan dan menjalankan ujian saringan untuk mengenal pasti murid-murid yang memerlukan pemulihan khas, menjalankan ujian diagnostik dan menjalankan penilaian berterusan serta merekodkannya. Selain itu guru pemulihan khas bertindak sebagai preskriptif iaitu





bertugas merancang dan menyelia serta melaksanakan program individu bagi murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran yang tertentu. Guru pemulihan juga mengadakan bengkel atau tunjuk cara pengajaran pemulihan di mana keadaan memerlukan. Sudah menjadi tanggungjawab kepada guru pemulihan untuk mengajar murid-murid yang lemah untuk membaca, menulis dan mengira. Mereka juga mengajar bersama guru mata pelajaran sebagai *'team teaching'* atau dikenali sebagai guru pendamping. Guru pemulihan juga berperanan sebagai khidmat bantu iaitu membimbing dan membantu guru-guru merancang dan membuat penambahbaikan terhadap strategi dan kaedah pembelajaran dan pengajaran. Berteraskan pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan guru-guru bersedia dengan bahan bantu mengajar semasa melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan maka guru pemulihan bertanggungjawab untuk membina bahan bantu mengajar.



Selain dari melaksanakan pengajaran di dalam kelas, guru pemulihan juga menjadi agen perhubungan dengan keluarga dan ibu bapa murid-murid. Program sarana ibu bapa dan Kumpulan Sokongan Ibu bapa menjadi tali penghubung antara guru dan ibu bapa. Program-program yang dijalankan seperti perjumpaan tiga penjuror memberi peluang kepada guru dan ibu bapa berbincang tentang masalah pembelajaran anak-anak mereka. Melalui perjumpaan ini juga guru-guru dapat mengetahui maklumat tentang latar belakang belakang murid. Latar belakang murid sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian murid dalam pelajaran. Contohnya ada di antara murid yang ibu bapanya telah bercerai, terpaksa tinggal bersama datuk dan nenek, ada pula di antara mereka yang miskin tegar di mana pendapatan keluarga di bawah RM530 dan terdapat juga penjaga yang mempunyai penyakit yang kritikal. Apabila guru sudah mengetahui latar belakang keluarga mereka dan masalah yang dihadapi oleh





keluarga mereka maka dapatlah guru membantu keluarga tersebut dengan memaklumkan dengan pihak pentadbir sekolah untuk tindakan yang selanjutnya.

Tugas hakiki guru pemulihan pula ialah merancang dan menjalankan Program Pemulihan Khas khusus untuk murid-murid yang tidak menguasai asas literasi dan numerasi dan kemahiran 3M mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru pemulihan khas juga membantu guru-guru mata pelajaran mengenal pasti murid-murid yang perlu mengikuti program Pemulihan khas. Selain dari mengadakan sesi pengajaran di dalam kelas, guru pemulihan juga ditugaskan berjumpa dan berbincang dengan guru, ibu bapa, doktor, pegawai kebajikan masyarakat dan pihak-pihak lain yang boleh membantu untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tingkah laku, kesihatan dan keterangan lain mengenai latar belakang



murid. Guru pemulihan melaksanakan pentaksiran dan penilaian serta direkodkan secara berterusan untuk mengetahui prestasi murid-murid yang mengikuti kelas Pemulihan Khas. Guru Pemulihan Khas bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa Program Pemulihan Khas serta menjadi Ahli Jawatankuasa Kurikulum sekolah. Mereka juga mengadakan latihan perkembangan staf atau dikenali sebagai Latihan Dalam Perkhidmatan mengenai Program Pemulihan Khas di peringkat sekolah. Guru-guru Pemulihan Khas juga sering menghadiei kursus, bengkel dan taklimat yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.





1.9.3 Murid pemulihan

Murid pemulihan adalah kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran sama ada dalam membaca, menulis atau mengira. Murid pemulihan bukanlah seperti murid pendidikan khas yang mempunyai kecacatan penglihatan atau kecacatan pendengaran tetapi murid pemulihan khas ialah murid yang normal dari segi fizikal dan mental. Mereka hanyalah murid yang lambat menerima pelajaran seperti lambat membaca, lambat menulis, lambat menjawab soalan dan lambat membuat kerja yang diberikan guru. Kadang kala mereka amat lambat memberi respons apabila guru bertanyakan sesuatu secara lisan. Perkembangan intelek mereka tidak sama dengan perkembangan intelek rakan-rakan yang seusia dengan mereka.



Terdapat lima ciri-ciri murid pemulihan. Ciri-ciri tersebut merangkumi emosi

dan tingkah laku, sosial, kesihatan, kesediaan belajar dan pengamatan emosi dan tingkah laku termasuklah perasaan risau dan rendah diri, perasaan sedih atau hiba ataupun duka, perasaan cepat bosan terhadap pelajaran, perasaan takut akan perkara-perkara baru, degil, tidak patuh kepada peraturan-peraturan dan suka melawan. Contohnya, murid ini sentiasa merasa takut dengan kawan mereka sendiri atau guru mereka selain dari terlalu risau dengan pelajaran yang diajar kepada mereka. Mereka mudah jemu dengan pelajaran yang diajar walaupun tahap pelajaran yang diajar amat mudah.

Ciri-ciri yang berikutnya ialah dari segi sosial iaitu gelisah dan selalu bergerak di dalam bilik darjah serta mengganggu rakan-rakan. Murid-murid lain akan benci kepadanya dan tidak mahu berkawan dengannya. Selain itu, mereka akan membuat





perkara-perkara ganjil seperti menghisap atau menggigit jari. Mereka juga selalu tidak hadir ke sekolah dengan memberi pelbagai alasan seperti mengikut ibu menziarahi saudara, kasut basah, bangun lambat, tertinggal bas sekolah, sakit perut dan sebagainya. Mereka juga menunjukkan perangai yang negatif seperti berbohong dan kadang-kadang mencuri. Ciri-ciri murid pemulihan juga dari aspek kesihatan pula ialah lemah tubuh badan dan kurang zat makanan. Contohnya muka kelihatan pucat malah ada segelintir dari mereka, mata putihnya kelihatan kuning dan kurang berat badan. Tumpuan perhatian terhadap contohnya mereka tidak boleh fokus dengan lama semasa guru sedang mengajar. Mereka juga mempunyai kelemahan gerak moto-kasar dan halus contohnya lambat bertindak semasa guru memanggil nama mereka dan amat lambat untuk menulis. Kesihatan murid pemulihan ini juga sering terganggu seperti kerap sakit, sakit terlalu lama dan kadang kala kritikal.



Aspek yang keempat ialah tentang kesediaan belajar. Murid-murid pemulihan belum bersedia untuk belajar walaupun usia mereka sudah mencecah tujuh tahun, lapan tahun atau sembilan tahun. Mereka seolah-olah berusia lima atau enam tahun. Perbendaharaan kata mereka amat kurang. Banyak perkataan yang mudah yang mereka tidak ketahui maksudnya. Contohnya seperti perkataan “beca’. Mereka tidak mengenali apa itu yang dinamakan beca. Mereka juga tergolong dalam murid-murid yang lemah pemahaman. Mereka lambat faham tentang apa yang mereka belajar walaupun guru mengajarnya berulang kali. Selain itu, murid-murid pemulihan ini juga kurang percaya kepada diri sendiri. Mereka sering meniru atau bertanya kepada rakan walaupun untuk menjawab soalan yang amat mudah dari guru. Ciri-ciri murid-murid pemulihan khas yang terakhir ialah dari aspek pengamatan. Mereka tidak boleh mengenali bentuk atau perbezaan turutan. Contohnya bentuk-bentuk huruf dalam



urutan. Lemah pendengaran bunyi dan keliru terhadap konsep ruang dan mencari arah. Selain itu, mereka juga lambat mengelaskan benda dan kesukaran mengaitkan pelajaran yang lain dengan yang baru. Murid-murid pemulihan dipilih melalui beberapa proses yang telah ditetapkan.

Murid-murid pemulihan khas perlu melalui beberapa prosedur sebelum dimasukkan ke kelas pemulihan khas. Langkah pertama ialah murid-murid tersebut melalui proses pencalonan dan pengumpulan. Murid-murid tersebut dicalonkan oleh guru kelas atau guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik masing-masing berdasarkan keputusan Saringan LINUS untuk murid tahap satu. Selepas itu murid menduduki ujian saringan. Murid-murid tahap dua akan menduduki ujian saringan Instrumen Penentu Penguasaan 3M (IPP3M). Murid-murid yang melepasi ujian saringan tidak akan memasuki kelas pemulihan dan mereka akan belajar di kelas biasa. Murid-murid yang tidak melepasi ujian saringan akan menjalani ujian diagnostik.

Murid perlu menduduki ujian diagnostik. Ujiaan ini dijalankan untuk mengenal pasti di mana aras kelemahan murid tersebut. Contohnya murid lemah dalam aspek membaca suku kata terbuka atau ada yang lemah dalam aspek membaca suku kata tertutup, membaca ayat secara merang-rangkak dan sebagainya. Seterunya murid akan menjalani ujian pengamatan. Ujian pengamatan ialah satu ujian yang melibatkan pancaindera murid seperti mata, tangan dan telinga. Ujian yang dijalankan ialah termasuklah ujian untuk membezakan sesuatu dan mengkategorikan sesuatu. Guru pemulihan akan membuat rancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan analisa ujian diagnostik. Penyimpanan rekod prestasi kemajuan murid adalah sangat penting bagi memastikan proses pemulihan dilaksanakan dengan berkesan. Apabila



murid lulus dalam ujian pelepasan, murid ini tidak layak untuk masuk ke kelas pemulihan. Murid ini akan meneruskan pelajaran mereka dalam kelas aliran perdana. Pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan perkembangan pembelajaran murid tersebut.

1.9.4 Komik

Komik mempunyai hubung kait antara tamadun dan budaya dunia. Sebagai contoh, kemajuan bidang penerokaan ke angkasa lepas merupakan 'khayalan' yang pernah dicetuskan oleh pelukis-pelukis komik. Dengan kata lain, para pelukis komik merupakan orang pertama mengeluarkan idea dalam bidang aero-angkasa. Berpuluh-puluh tahun sebelum kapal angkasa dicipta, bidang komik sebenarnya telah terlebih dahulu berjaya meneroka dan menawan angkasa. Perkembangan komik di Malaysia berkembang seiringan dengan perkembangan media bahasa Melayu. Komik sudah mendapat tempat di media-media sejak akhbar dan majalah Melayu mula diterbitkan beberapa dekad lalu. Fungsi komik pada mulanya ialah untuk menghibur pembaca di samping menyampaikan maklumat melalui rencana dan berita namun akhirnya komik dapat berdiri sama tinggi dengan genre lain, sehingga pihak penerbitan media terpaksa akur dengan kehendak pembaca yang mahu disediakan halaman khusus untuk komik di akhbar dan majalah terbitan mereka.

Menurut kartunis terkemuka tempatan, Ujang atau nama sebenarnya, Ibrahim Anon, komik terbahagi kepada pelbagai jenis dan antara yang popular adalah Selapstik dan Editorial. Selapstik adalah kartun yang tidak mempunyai dialog seperti





Tom and Jerry dan Editorial seperti kartun Lat. Menurutnya lagi, komik mempunyai 1001 kebaikan dan keunikan tersendiri. Komik diminati kerana ia seni visual iaitu ia mudah difahami dan lebih ringkas..Bahan bacaan ini mempunyai banyak kesan baik antaranya, menenangkan ketegangan perasaan dan pemikiran, membantu pembaca lebih cepat mendalami cerita, mencerikan, murah serta dapat mengisi masa lapang. Selain itu, katanya lagi, komik bukan sahaja mengandungi cerita atau karikatur menarik yang ringkas, tetapi juga iklan, fakta mengenai sesuatu produk atau perkara penting, peraduan dan pelbagai isu berkaitan kehidupan masyarakat. Pada tahun 90an, pasarannya semakin baik kerana masyarakat mulai sedar kebanyakan komik mengajar pembacanya menanam sifat murni dan memberi kebaikan tambahan lain melalui ilustrasi atau visual.



Komik adalah suatu bentuk seni yang menggunakan gambar-gambar tidak bergerak yang disusun sedemikian rupa sehingga membentuk jalinan cerita. Biasanya komik dicetak di atas kertas dan dilengkapi dengan teks. Komik juga adalah cerita bergambar yang terdapat dalam majalah, surat khabar atau buku. Komik mudah difahami dan jalan ceritanya lucu. Bagi seorang pekomik, perkara pertama yang perlu ditekankan adalah sifat malar segar (*evergreen*), sehingga mampu dikatakan mempunyai tarikh luput (*shelf-life*) yang panjang. Puan Ainon Mohd, Pengasas PTS (*Professional Training Service*) pernah menggariskan beberapa faktor yang mempengaruhi tarikh luput sesebuah komik iaitu cerita dalam buku asalnya memiliki ciri-ciri *evergreen*. Jadi apabila pekomik melukis komik, seharusnya mereka memilih cerita-cerita yang sudah terbukti *evergreen*. Perkara yang ke dua ialah gaya bahasa dalam karya asalnya memiliki ciri-ciri *evergreen*. Gaya bahasa standard adalah stabil, oleh itu ia dapat difahami bagi tempoh waktu yang panjang. Stroke dan gaya lukisan





komik itu memiliki ciri-ciri yang *evergreen*. Pekomik perlu memilih gaya stroke yang dapat bertahan lama dan mengelakkan stroke yang *trendy*. Penelitian terhadap faktor inilah, pekomik mampu menjadikan karya mereka sebagai harta intelek yang berharga.

Ciri-ciri komik ialah ia bersifat profesional di mana pembaca bersikap emosional semasa membaca komik dengan membawa diri pembaca menghayati watak utama dalam cerita komik tersebut. Selain itu ciri komik yang lain ialah bahasa yang digunakan mudah difahami oleh pembaca seperti komik menggunakan bahasa pasar dan bahasanya ringkas.

Komik juga mempunyai beberapa jenis. Di antaranya ialah komik pendidikan.

Komik pendidikan berfungsi sebagai hiburan dan berfungsi sebagai agen pendidikan yang berkembang pesat kerana masyarakat sudah menyedari bahawa komik mempunyai nilai pendidikan yang tinggi. Komik pendidikan terjaga dan terpelihara kualiti bahasanya. Contoh komik pendidikan yang terkenal bertajuk 'Aku, Kau dan Sekolah' keluaran PTS Publications. Komik ini berusaha membina persepsi baru bahawa komik adalah teman serta bahan bacaan yang baik untuk para pelajar. Ia wajar ditempatkan di sekolah dan rumah-rumah. Ia bukan lagi bahan yang perlu ditakuti dan dipandang rendah. Menurut Syafizan Kasim, guru bahasa Inggeris Sekolah Menengah Agama Al-Falah, Tanjung Piandang, 'Komik berbentuk pendidikan terbitan PTS adalah ia bukan sahaja menghiburkan malah nilai moral yang diselit serta bahasa yang digunakan juga adalah baik'. Seorang guru, Zucafly bin Awang, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Chendering, Kuala Terengganu berpendapat bahawa komik pendidikan keluaran PTS juga menggunakan bahasa standard tinggi. Gaya bahasa,





jalan cerita dan lukisan dikawal dan diselia dengan baik oleh editor-editor komik bagi memastikan persembahan komik tiada unsur negatif serta bebas daripada adegan-adegan yang tidak diingini. Antara tajuk-tajuk komik pendidikan yang terdapat di Malaysia seperti 'Seronoknya Cuti', 'Meriahkan Ramadhan dan Aidil Fitri', 'Budak Komik', 'Komik Sains', 'Lawak Gadis Komik' dan lain-lain.

Walaupun komik pendidikan baru berkembang di Malaysia namun komik pendidikan sudah lama bertapak di Jepun. Perpustakaan di Jepun menyediakan pinjaman komik untuk semua penggunanya. Mereka hanya diminta membayar beberapa yen sahaja. Bahan bacaan berbentuk komik telah diperkenalkan di negara Jepun semenjak tahun 50-an lagi. Budaya membaca komik di Jepun terus berkembang dan lahirlah pelukis-pelukis komik yang terkenal seperti Shirato Sanpei. Beliau telah membuat pembaharuan dalam penulisan komik dengan menggunakan teknik yang baru, tema serta isi. Pembacaan dan penggunaan komik terus berkembang sehingga lahirlah komik berbentuk pendidikan. Komik pendidikan ini telah dijadikan buku teks di Jepun. Bukan sahaja buku teks berbentuk komik pendidikan digunakan di sekolah rendah di Jepun malah komik pendidikan dalam mata pelajaran Matematik dan Fizik juga digunakan di peringkat sekolah menengah. Komik Sejarah juga diterbitkan merangkumi sejarah Jepun, China dan sejarah dunia. Betapa hebatnya penggunaan komik pendidikan di sebuah negara maju di dunia.

Jenis komik yang kedua ialah komik promosi atau komik berbentuk iklan. Komik ini menimbulkan imaginasi terutama kepada kanak-kanak. Tujuan komik ini adalah untuk mempromosikan sesebuah produk dan biasanya menggunakan watak 'superhero'. Menurut Mohd Rashidi A.Rahim atau lebih dikenali dengan nama





komersialnya ‘Danial Haikal’, pelukis komik bebas media sosial yang menghasilkan komik daripada pelbagai genre ini memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial sebagai pengantara utama untuk beliau berkongsi dan mempromosi hasil karya lukisannya sekaligus membangunkan jenama komiknya sendiri. Selain itu, komik promosi juga digunakan untuk mempromosi tempat-tempat pelancongan di Malaysia. Contohnya ialah mempromosikan Malaysia melalui komik bersiri “ *HOLDERS* ”.

Komik wayang pula ialah komik yang menceritakan tentang cerita wayang seperti Mahabrata yang menceritakan perang besar antara Kurawa dan Pandawa atau cerita Ramayana yang menceritakan tentang penculikan Dewi Shinta. Komik silat atau komik pertarungan juga amat popular kerana tema-tema silat didominasi oleh adegan pertarungan seperti komik yang bertajuk ‘Dewataraya’, ‘Naruto’, ‘Dragon Ball’, ‘Takaza 3’ dan sebagainya.



Selain media cetak, dengan kepesatan dunia siber, maka muncul juga komik berbentuk media sosial. Komik berbentuk media sosial amat berbeza dengan komik media cetak. Komik media cetak adalah untuk tujuan perniagaan dan untuk menjana pendapatan. Pembaca perlu membeli komik untuk membacanya. Ini amat berbeza dengan komik media sosial. Komik media sosial tidak perlu dibeli oleh para pembaca. Pembaca hanya membaca melalui skrin komputer sahaja atau pada skrin tablet atau skrin telefon pintar. Komik media sosial bukan berfokuskan jualan tetapi ia lebih terarah kepada perkongsian dan tujuan promosi. Matlamat utamanya ialah untuk mencapai status ‘tular’ untuk mencipta nama sendiri. Contoh komik media sosial ialah seperti yang dihasilkan oleh Mohd Rashidi A.Rahim. Pembaca boleh melawati profil “Paradecomix” secara percuma di internet. Tujuan komik media sosial dihasilkan





ialah untuk tujuan pembacaan santai di mana salah satu cara penulis mendekati diri dengan para pembaca. Selain itu sebagai agen untuk menyampaikan maklumat, menyampaikan dakwah, sebagai hiburan, tutorial, promosi produk dan sebagainya. Biasanya, komik media sosial menyampaikan berita atau maklumat yang sedang hangat diperkatakan pada masa itu. Penyampaian berita atau maklumat disulami dengan lawak jenaka yang membuatkan pembaca tidak bosan membacanya. Pemilihan lawak yang tidak melampau sentiasa dijaga agar tidak menyinggung mana-mana pihak yang membacanya. Penghasilan komik media sosial dihasilkan sepenuhnya secara digital tanpa menggunakan pensil dan kertas. Alatan dan perisian komputer yang digunakan termasuklah komputer, tablet melukis 'Wacom', 'Clip Studio Paint' dan 'Adobe Photoshop' Pembaca lebih mudah membaca komik tanpa mengeluarkan wang ringgit untuk membeli komik di kedai-kedai. Komik berbentuk 'on-line' juga amat mudah untuk disebar luaskan. Web Portal Komik Online Malaysia ialah sebuah platform komik Malaysia sama ada amatur atau profesional berkongsi cerita dalam bentuk komik dari pelbagai genre. Contohnya komik yang bertajuk 'Polo Love You', 'Don't Mind', 'Celoteh Latif', 'Heart Spike', 'Aksi Adiperkasa', 'Aksi Dango' dan lain-lain.

McCloud (1993) mengutarakan tema *Sequential Art* sebagai asas definisi terhadap komik. Sehubungan itu McCloud memberi definisi komik sebagai gambar atau imej yang berjajaran yang mewujudkan jalan cerita. *Sequential Art* menghasilkan kepelbagaian yang tidak terbatas tentang gaya persembahan dan pengisian terhadap gaya fizikal. Di dalam komik ianya menyentuh pelbagai isu seperti fiksyen kontemporari, sejarah, cerita dongeng, pendidikan, misteri, biografi dan satira. Komik adalah satu medium penyampaian maklumat yang menyeronokkan. Apabila





membacanya kita akan rasa terhibur dan mendapat maklumat dengan lebih santai. Komik disertakan dengan kekuatan visual yang disusun dengan kreatif. (Steven Heller,2005)

1.10 Kesimpulan

Kemahiran lisan, bacaan dan tulisan amat penting untuk dikuasai oleh murid-murid sekolah rendah. Oleh itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat beberapa dasar untuk penambahbaikan sistem pendidikan negara seperti memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Pelbagai kaedah dan teknik pula digunakan oleh guru untuk mengajar murid menguasai ketiga-tiga kemahiran tersebut. Namun demikian tidak semua murid berjaya menguasai kemahiran-kemahiran tersebut. Mereka akan ketinggalan dalam kemahiran membaca berbanding dengan murid yang seusia dengannya. Murid-murid ini dikenali dengan murid pemulihan. Murid-murid pemulihan ini dimasukkan ke dalam kelas pemulihan khas dan diajar oleh guru khas yang dipanggil guru pemulihan khas.

Bermula dengan isu tidak lancar membaca, maka pengkaji terpenggil untuk membuat kajian mengatasi masalah ini dengan menggunakan bahan bantu mengajar, iaitu komik. (Komik *Kampung Boy* dan Komik *Upin & Ipin*). Sekiranya masalah membaca tidak diatasi dari awal, maka impaknya dapat dilihat dari keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan seterusnya Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tujuan kajian ini ialah untuk





mengenal pasti keberkesanan penggunaan komik dalam kemahiran membaca murid pemulihan. Tiga objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini iaitu bermula dengan mengenal pasti keberkesanan komik dalam meningkatkan prestasi membaca murid pemulihan, diikuti dengan menghuraikan penggunaan komik menarik minat murid pemulihan untuk membaca dan mengenal pasti penggunaan komik sesuai digunakan dalam program pemulihan bacaan sebagai bahan bantu mengajar. Ketiga-tiga objektif kajian semuanya berkaitan dengan komik yang digunakan. Komik yang digunakan bertajuk 'Debab' dan 'Nenek Kebayan' yang diadaptasi melalui cerita "*Kampung Boy*" dan cerita 'Upin & Ipin'

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengkaji menggunakan dua model kajian tindakan iaitu Model Stephen Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson. Model Stephen Kemmis & Mc Taggart mempunyai empat frasa yang perlu dijadikan panduan oleh pengkaji manakala Model Johnson mempunyai enam frasa. Dalam kajian ini pengkaji telah menggabungkan Model Stephen Kemmis & Mc Taggart dan Model Johnson yang bermula dengan mengenal pasti isu dan berakhir dengan Sorotan Literatur. Penggabungan dua model ini membentuk kerangka konseptual kajian pengkaji. Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (M) Saint Aidan yang terletak di bandar dan Sekolah Kebangsaan (F) Bandar Baru Serting yang terletak di luar bandar. Kepentingan kajian ini ialah kepada guru dan murid, pihak sekolah, Jabatan Pendidikan, Pejabat pendidikan Daerah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan penulis dan penerbit komik.

